



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
SKIM TUKANG EMAS
DILULUSKAN**

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Ikhtisar Cukai Barang dan Perkhidmatan	1
OPERASI INDUSTRI SECARA AM.....	1
Skim Tukang Emas Diluluskan	1
Definisi “logam-logam berharga yang ditetapkan”	2
Bila perlu mengakaun cukai output.....	3
Nilai logam-logam berharga yang ditetapkan untuk pengenaan cukai output	3
BAGAIMANA MENGAKAUN CUKAI OUTPUT	4
LAYANAN CBP BAGI INDUSTRI INI.....	5
Syarat-syarat bagi STE.....	5
ORANG YANG LAYAK UNTUK MENYERTA STE.....	7
IMPLIKASI CBP DALAM INDUSTRI BARANG KEMAS	7
PEROLEHAN LOGAM BERHARGA DITETAPKAN DARI TUKANG EMAS DILULUSKAN	11
MEMBERI KERJA SUB-KONTRAK KEPADA SUB-KONTRAKTOR OLEH TUKANG EMAS DILULUSKAN	12
PENGILANG TOL BAGI PRINSIPAL DI LUAR NEGARA.....	13
JUAL BELI (TRADE-IN) BARANG KEMAS.....	14
TANGGUNGJAWAB DAN TANGGUNGAN TUKANG EMAS DILULUSKAN.....	14
PENYIMPANAN REKOD.....	15
SOALAN-SOALAN LAZIM	15
MAKLUMBALAS DAN KOMEN	21
MAKLUMAT LANJUT	21
LAMPIRAN 1	i

PENGENALAN

1. Panduan spesifik ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara berkaitan dengan layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan ke atas Skim Tukang Emas Diluluskan (STE).

Ikhtisar Cukai Barang dan Perkhidmatan

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat yang dikenakan ke atas penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan barang dan perkhidmatan bercukai di Malaysia selain yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan di Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai akan dibayar sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah pada setiap peringkat akan dikenakan cukai dan ini dapat mengelakan cukai berganda

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai "orang berdaftar". Orang berdaftar dikehendaki untuk mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggan. Dia juga dibenarkan untuk menuntut kembali apa-apa CBP yang dilakukan ke atas pembelian (cukai input) yang mana merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukan merupakan satu kos kepada perantara dan tidak akan wujud sebagai suatu item perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

OPERASI INDUSTRI SECARA AM

Skim Tukang Emas Diluluskan

5. Pengilangan barang kemas dari logam-logam berharga memerlukan kos input bahan mentah yang tinggi, tetapi jualan barang kemas secara amnya adalah perlahan. Ini mengakibatkan tukang emas perlu menanggung bayaran dahulu cukai input yang tinggi manakala kelajuan pungutan cukai output dari jualan mereka

adalah tidak sepadan dengan bayaran cukai input. Akibatnya, tukang emas akan dibebankan dengan masalah aliran tunai kerana kadar pungutan cukai output tidak berpadanan dengan tanggungan cukai input.

6. STE diperkenalkan di bawah Akta CBP 2014 bagi membantu tukang emas, termasuk pengilang tol, mengatasi masalah aliran tunai yang wujud disebabkan oleh bayaran cukai input yang tinggi disamping tiada pungutan cukai output atau pungutan cukai output yang agak perlahan.

7. Di bawah Akta CBP, cukai dikenakan ke atas pembekalan logam-logam berharga yang ditetapkan yang dibuat oleh seorang orang kena cukai (pembekal) kepada pengilang barang kemas (tukang emas diluluskan) di bawah STE akan menjadi liabiliti pengilang itu dan bukannya pembekal. Pembekal perlu mengeluarkan invois cukai bagi mengenakan CBP tetapi tidak dikehendaki untuk mengakaun cukai itu. Oleh kerana pembekal tidak perlu mengakaun cukai output ke atas pembekalan tersebut, invois cukai yang dikeluarkan mestilah mengandungi pernyataan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan 95 iaitu **“Pembeli sebagaimana yang dinyatakan dalam invois ini hendaklah mengakaunkan cukai output bagi pembekalan kepada Ketua Pengarah mengikut seksyen 73 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014”**. *Sila rujuk lampiran untuk contoh suatu invois cukai dengan pernyataan tersebut*. Sebaliknya, tukang emas diluluskan tidak perlu membayar cukai kepada pembekal tetapi mestilah mengakaun cukai ke atas pembekalan itu.

8. Apabila logam-logam berharga yang ditetapkan itu kemudiannya dikilang menjadi barang kemas dan dibekalkan ke pasaran tempatan, barulah tukang emas diluluskan mengakaunkan cukai output ke atas barang kemas tersebut. Jika barang kemas itu dieksport, ia adalah dikenakan CBP pada kadar sifar.

9. Tiada definisi barang kemas ditetapkan di bawah Peraturan CBP. Namun begitu, ia didefinisikan sebagai barang-barang hiasan seperti rantai tangan, rantai, cincin, gelang tangan atau anting-anting yang diperbuat daripada logam-logam berharga yang dipasang dengan permata atau permata tiruan yang mempunyai nilai ekonomi atau komersial yang tinggi.

Definisi “logam-logam berharga yang ditetapkan”



10. Definisi logam-logam berharga yang ditetapkan adalah sebagaimana yang didefinisikan di bawah Peraturan-peraturan CBP yang merujuk kepada:

- (i) Emas dengan ketulenan tidak kurang daripada 99.5%;
- (ii) Perak dengan ketulenan tidak kurang daripada 99.9%; dan
- (iii) Platinum dengan ketulenan 99.9%.

Bila perlu mengakaun cukai output

11. Masa pembekalan bagi tukang emas diluluskan adalah seperti berikut, yang mana lebih awal:

- (i) Apabila dia menerima invois cukai yang berkaitan, atau
- (ii) Apabila dia membuat pembayaran kepada pembekal.

Contoh 1

- (i) *Tarikh invois diterima* - 05.3.2016
- (ii) *Tarikh bayaran dibuat* - 28.4.2016
- (iii) *Cukai output hendaklah diakaunkan dalam penyata CBP bagi bulan **Mac 2016**.*

Contoh 2

- (i) *Tarikh invois diterima* - 10.6.2016
- (ii) *Tarikh bayaran dibuat* - 12.5.2016
- (iii) *Cukai output hendaklah diakaunkan dalam penyata CBP bagi bulan **Mei 2016**.*

Nilai logam-logam berharga yang ditetapkan untuk pengenaan cukai output

12. Di bawah STE, tukang emas diluluskan akan mengakaun cukai output bagi logam berharga yang ditetapkan yang diperolehnya di pasaran tempatan. Nilainya mestillah tidak termasuk CBP.

Contoh 3

- (i) *Harga Barang - RM100,000*

- (ii) Kadar semasa CBP - 6%
- (iii) Cukai output yang dikenakan - $RM100,000 \times 6\%$
- = RM6,000**

BAGAIMANA MENGAKAUN CUKAI OUTPUT

13. Di bawah skim ini, tukang emas diluluskan tidak dikehendaki untuk membayar cukai yang dikenakan kepada pembekal tetapi dikehendaki mengakaun cukai output bagi logam berharga yang ditetapkan yang diperolehnya di pasaran tempatan. Dia kemudiannya menolak cukai output yang kena dibayar dengan kredit cukai input bagi perolehan logam berharga dalam perjalanan atau penerusan perniagaannya. Dengan cara ini, tukang emas diluluskan tidak perlu membayar CBP terlebih dahulu bagi perolehan tersebut.

Contoh 4

Andaikan seorang tukang emas diluluskan menerima dua pembekalan logam-logam berharga yang ditetapkan dalam satu bulan daripada pembekal tempatan seperti berikut:

<u>Tarikh invois</u>	<u>Nilai transaksi</u>
05.10.2016	RM100,000
10.10.2016	<u>RM200,000</u>
Jumlah	RM300,000

(Jumlah cukai output ialah RM18,000 iaitu. 6% dari RM300,000)

Perakaunan dalam penyata CBP sepatutnya menggambarkan seperti berikut:

Penyata CBP dari tempoh 1.10.2016 sehingga 31.10.2016

Butir-butir Cukai Output/Input	RM
* Cukai Output	
- <i>Logam berharga yang dibekalkan</i>	RM18,000
Tolak:	
* Kredit Cukai Input	
- <i>Logam berharga yang Diterima</i>	RM18,000
Cukai kena dibayar	(0.00)

(*Andaian bahawa tiada cukai output lain dan tiada tuntutan cukai input lain yang dibuat dalam penyata cukai yang sama)

LAYANAN CBP BAGI INDUSTRI INI

Syarat-syarat bagi STE

14. Seperti skim-skim khas yang lain, STE juga menetapkan syarat-syarat di mana tukang emas diluluskan perlu mematuhi sepenuhnya. Syarat-syarat yang ditetapkan di bawah STE termasuk yang berikut:

- (a) Seorang tukang emas diluluskan hendaklah merupakan orang berdaftar di bawah CBP

STE hanya terbuka kepada orang yang telah didaftarkan di bawah CBP. Orang yang tidak didaftarkan di bawah CBP adalah tidak layak memohon untuk menyertai skim ini.

- (b) Mesti mengemukakan penyata CBP secara bulanan

Seorang tukang emas diluluskan mesti mengakaunkan CBP secara bulanan.

- (c) Logam-logam berharga yang diperolehi di bawah STE mestilah untuk tujuan mengilang barang kemas bagi meneruskan perniagaan

Apa-apa perolehan logam-logam berharga di bawah STE mestilah hanya untuk satu tujuan spesifik iaitu mengilang barang-barang kemas dalam meneruskan perniagaan oleh tukang emas diluluskan. Apa-apa

perolehan logam-logam berharga selain dari untuk tujuan mengilang barang kemas tidak termasuk dalam skop STE, dan oleh itu tertakluk kepada CBP. Sebagai contoh, kelulusan STE tidak boleh digunakan untuk apa-apa perolehan logam berharga bagi tujuan pelaburan.

- (d) Perolehan logam-logam berharga hendaklah dibuat atas nama tukang emas diluluskan

Perolehan logam-logam berharga, sama ada dari luar negara atau tempatan, untuk mengilang barang kemas hendaklah dibuat atas nama tukang emas diluluskan. Semua pengimportan dan pengeksportan mesti diisytiharkan atas nama tukang emas diluluskan. Bagaimanapun, ejen penghantaran yang diberi kuasa boleh menandatangani borang-borang import/ eksport bagi pihak tukang emas diluluskan, tetapi tukang emas diluluskan berkenaan tetap bertanggungjawab ke atas cukai atau duti yang dikenakan dan perlu dibayar ke atas pengimportan yang berkaitan.

- (e) Mengekalkan sistem perakaunan yang baik

Seorang tukang emas diluluskan hendaklah mengamal dan mengekalkan satu sistem perakaunan yang baik terhadap transaksi-transaksi perniagaannya.

- (f) Rekod pematuhan yang baik dengan JKDM

Seorang pemohon mesti mempunyai rekod pematuhan yang baik ke atas apa-apa urusan perniagaan dengan JKDM termasuk perkara-perkara yang berhubungkait dengan CBP. Pematuhan yang baik hendaklah sentiasa dikekalkan oleh tukang emas diluluskan.

- (g) Mengemukakan jaminan

Dalam keadaan tertentu, atas permintaan Ketua Pengarah Kastam (KPK), tukang emas diluluskan perlu mengemukakan jaminan, dalam bentuk jaminan bank atau bon atau kedua-duanya bagi melindungi hasil.

- (h) Syarat-syarat lain yang difikirkan patut oleh KPK

KPK boleh menetapkan syarat-syarat tambahan atau mengubah mana-

mana syarat yang sedia ada, dari masa ke semasa, apabila didapati perlu berbuat demikian. Syarat-syarat yang dinyatakan di sini tidak mengatasi atau membatalkan syarat-syarat lain yang dikenakan kepada tukang emas diluluskan di bawah skim-skim lain yang mana dia mungkin menyertainya. KPK mempunyai kuasa untuk menolak permohonan, mengkaji semula atau membatalkan mana-mana kelulusan yang telah diberi kepada tukang emas diluluskan pada bila-bila masa tanpa memberi notis awalan bagi melindungi hasil.


ORANG YANG LAYAK UNTUK MENYERTAI STE

15. Hanya tukang emas yang merupakan orang kena cukai layak untuk memohon STE tertakluk kepada kelulusan diberi oleh Ketua Pengarah.

IMPLIKASI CBP DALAM INDUSTRI BARANG KEMAS

16. Implikasi CBP ke atas pembekalan dan penghantaran logam-logam berharga dan barang kemas dalam industri barang kemas boleh ditunjukkan dalam gambarajah di bawah:

Gambarajah 1: Implikasi CBP ke atas pembekalan dan penghantaran logam berharga dan barang kemas



17. Implikasi CBP ke atas setiap pembekalan atau penghantaran logam-logam berharga dan barang kemas yang dilakukan dari satu peringkat pembekal ke peringkat pembekal yang lain seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah di atas adalah diberi penjelasan lanjut seperti di bawah:

- (a) Pembekalan serbuk emas atau bahan mentah logam-logam berharga yang dibuat oleh seorang pelombong tempatan kepada seorang penapis (refiner) adalah dikenakan cukai pada kadar standard (iaitu pada kadar CBP semasa yang ditetapkan).
- (b) Pembekalan logam-logam berharga yang ditetapkan yang dibuat oleh seorang penapis (refiner) kepada suatu perniagaan yang membekal jongkong emas atau bank adalah dikenakan cukai pada kadar standard.

- (c) Cukai ke atas pembekalan logam-logam berharga yang ditetapkan yang dibuat oleh suatu perniagaan yang membekal jongkong emas atau bank kepada seorang tukang emas perlu diakaunkan oleh penerima dan bukannya oleh pembekal.
- (d) Tukang emas diluluskan yang menerima logam-logam berharga yang ditetapkan daripada sebuah perniagaan yang membekal jongkong emas atau bank perlu mengakaun cukai output ke atas perolehan tersebut. Pembekalan barang kemas di pasaran tempatan oleh tukang emas diluluskan adalah dikenakan cukai pada kadar standard. Jika tukang emas memberi kerja sub-kontrak (“farm-out”) terhadap akitviti-aktiviti pengilangannya kepada seorang pengilang tol atau sub-kontraktor, pemberian kerja sub-kontrak tersebut adalah bukan satu pembekalan di bawah CBP. Bagaimanapun, apa-apa aktiviti nilai tambah, termasuk upah kerja, yang dibekalkan oleh sub-kontraktor adalah dikenakan cukai pada kadar standard.
- (e) Pembekalan barang kemas oleh seorang tukang emas diluluskan ke pasaran tempatan adalah dikenakan cukai pada kadar standard.
- (f) Apa-apa pengimportan logam-logam berharga, termasuk jongkong-jongkong emas, oleh suatu perniagaan yang membekal jongkong emas atau bank untuk dibekalkan kepada industri barang-barang kemas adalah dikenakan cukai pada kadar standard. Perniagaan yang membekal jongkong emas, dan bank perlu membayar CBP ke atas logam-logam berharga semasa pengimportan dilakukan. Bagaimanapun, mana-mana perniagaan yang membekal jongkong emas atau bank yang mempunyai kelulusan SPL boleh menggantung pembayaran CBP bagi pengimportan logam berharga. Layanan yang sama terpakai untuk mana-mana tukang emas diluluskan yang mempunyai status SPL yang mengimport logam berharga yang ditetapkan untuk mengilang barang kemas.
- (g) Seorang pengilang tol yang juga merupakan tukang emas diluluskan boleh menggantung bayaran CBP ke atas pengimportan logam-logam berharga yang dibekalkan kepadanya oleh prinsipalnya dari luar

negara di bawah SPL. (Seorang tukang emas diluluskan adalah layak untuk memohon status SPL).

- (h) Apabila seorang pengilang tol yang mempunyai status STE mengeksport barang siap (barang kemas) kepada prinsipalnya di luar negara, penghantaran (eksport) tersebut adalah bukan pembekalan. Apabila pengilang tol menghantar (“drop-ships”) barang kemas kepada seorang pelanggan tempatan bagi prinsipalnya luar negara, penghantaran tersebut adalah pembekalan yang dibuat oleh prinsipal di luar negara di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan (SPT) iaitu pembekalan di luar skop GST kerana prinsipal luar negara adalah orang tidak berdaftar di bawah skim ini. **Untuk maklumat lanjut sila rujuk Panduan SPT.**
- (i) Apabila pelanggan tempatan bagi prinsipal luar negara menerima barang kemas yang dihantar kepadanya oleh pengilang tol di bawah SPT, pelanggan tempatan hanya perlu membuat “perakaunan sendiri penerima” ke atas penghantaran tersebut apabila dia menerima invoice yang berkaitan daripada pembekalnya di luar negara atau apabila dia membuat bayaran kepada pembekalnya, yang mana lebih awal. Sekiranya pelanggan tempatan tersebut merupakan seorang yang tidak berdaftar, dia hendaklah mengakaunkan dan membayar cukai dalam borang yang ditetapkan tidak lewat daripada hari terakhir bulan yang berturutan dengan bulan pembekalan itu dibuat. Sebarang pembekalan barang kemas yang dibuat oleh seorang pelanggan tempatan bagi pembekal luar negara ke pasaran tempatan adalah dikenakan cukai pada kadar standard.
- (j) Apa-apa pengeksportan barang kemas yang dibuat oleh seorang tukang emas ke pasaran luar negara adalah dikenakan CBP pada kadar sifar.

PEROLEHAN LOGAM BERHARGA DITETAPKAN DARI TUKANG EMAS DILULUSKAN

18. Lazimnya, seorang tukang emas diluluskan akan memperoleh logam berharga ditetapkan dari pembekal jongkong emas dan juga bank. Walaupun begitu, tukang emas diluluskan dibenarkan untuk memperoleh logam berharga ditetapkan dari tukang emas yang lain di bawah STE. Ini bermakna pembekalnya yang juga adalah tukang emas diluluskan dikehendaki untuk mengenakan cukai output bagi pembekalan yang dibuat kepada tukang emas itu tetapi tidak bertanggung untuk mengakaun cukai output tersebut. Penerima logam berharga ditetapkan yang perlu mengakaun cukai output bagi pembelian logam berharga ditetapkan itu. Transaksi ini boleh digambarkan seperti dalam contoh di bawah.

Gambarajah 2: Perolehan Logam berharga ditetapkan dari tukang emas diluluskan




- (i) *A Sdn. Bhd. membekalkan logam berharga ditetapkan bernilai RM300,000 kepada B Sdn Bhd.*
- (ii) *A Sdn. Bhd. mestilah mengeluarkan suatu invois cukai dan mengenakan CBP tetapi tidak perlu mengakaun cukai output bagi pembekalan itu.*
- (iii) *B Sdn. Bhd. perlu mengakaun cukai output RM18,000.00 (6% X RM300,000)*

MEMBERI KERJA SUB-KONTRAK KEPADA SUB-KONTRAKTOR OLEH TUKANG EMAS DILULUSKAN

19. Kadang-kadang tukang emas memberi kerja pengilangan secara sub-kontrak kepada sub-kontraktor atau pengilang tol. Proses “farming out” ini tidak melibatkan pemindahan hak milik logam-logam berharga kepada sub-kontraktor. Sub-kontraktor akan membekalkan “workmanship” dan aktiviti nilai tambah atau bahan-bahan mentah dalam pengilangan barang kemas. Implikasi CBP ke atas “farming out” kerja-kerja pengilangan adalah ditunjukkan di contoh di bawah.

Gambarajah 3 : Implikasi CBP ke atas ‘farming out’ kerja-kerja pengilangan



- (i) *Kilat Sdn. Bhd. ialah sub-kontraktor kepada Emas Sdn. Bhd.*
- (ii) *Emas Sdn. Bhd. akan menghantar jongkong emas, bernilai RM200,000.00, kepada Kilat Sdn. Bhd. untuk mengilang barang kemas.*
- (iii) *Emas Sdn. Bhd. tidak perlu dikenakan cukai output ke atas penghantaran jongkong emas kepada Kilat Sdn. Bhd. kerana tidak berlaku pemindahan hak milik barang.*
- (iv) *Emas Sdn. Bhd. hanya akan mengeluarkan satu nota penghantaran atau nota konsainmen kepada Kilat Sdn. Bhd.*

- (v) *Kilat Sdn. Bhd. akan memulangkan barang siap (barang kemas) kepada Emas Sdn. Bhd. selepas proses pengilangan selesai.*
- (vi) *Kilat Sdn. Bhd. Mengenakan Emas Sdn. Bhd. caj RM20,000.00 untuk upah kerja bagi mengilang barang kemas.*
- (vii) *Oleh kerana Kilat Sdn. Bhd. adalah seorang yang didaftarkan di bawah CBP, ia perlu mengeluarkan invoice cukai dan mengenakan cukai output sebanyak RM1,200.00 [$RM20,000.00 \times 6\%$ (CBP)] ke atas upah kerja.*
- (viii) *Emas Sdn. Bhd. boleh menuntut CBP (RM1,200.00) yang dikenakan oleh Kilat Sdn. Bhd. sebagai kredit cukai inputnya.*

PENGILANG TOL BAGI PRINSIPAL DI LUAR NEGARA

20. Terdapat pengilang tol tempatan yang mengilang barang kemas untuk prinsipal di luar negara. Pengilang tol akan dibayar upah kerja atau bayaran ke atas aktiviti nilai tambah lain oleh prinsipalnya di luar negara.

21. Seorang pengilang tol akan sama ada menerima jongkong emas daripada prinsipalnya di luar negara dan di bawah SPL, pembayaran CBP dibenarkan digantung. Sebaliknya, jika prinsipal memperoleh jongkong emas dari pasaran tempatan, misalnya bank atau pembekal jongkong emas, maka perolehan itu akan tertakluk kepada CBP pada kadar sifar. Jongkong emas itu mestilah hanya digunakan untuk mengilang barang kemas.

22. Dalam kes-kes tertentu, seorang pengilang tol mungkin menghantar sebahagian barang siap (barang kemas) kepada pelanggan tempatan bagi prinsipal luar negara. Pengilang tol akan menghadapi masalah mengakaunkan cukai output ke atas barang-barang “drop-shipment” itu kerana bayaran untuk “drop-shipment” adalah dikenakan oleh prinsipal luar negara terus kepada pelanggan tempatan. Untuk mengatasi masalah ini, Skim Pengilang Tol Diluluskan (SPT) diperkenalkan. Di bawah SPT, pengilang tol tidak perlu mengakaunkan cukai output ke atas barang-barang “drop-shipments”. Tetapi, pelanggan tempatan perlu membuat “perakaunan sendiri penerima” seolah-olah dia sendiri yang membekalkan barang-barang berkenaan. **Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Panduan SPT.**

JUAL BELI (TRADE-IN) BARANG KEMAS

23. Di bawah peraturan biasa CBP, trade-in akan melibatkan dua pembekalan. Jika kedua-dua peniaga adalah orang berdaftar di bawah CBP, pembekalan mereka adalah tertakluk kepada CBP. Walaupun begitu, jika seorang daripada peniaga itu adalah orang berdaftar di bawah CBP manakala seorang lagi tidak, maka hanya pembekalan yang dibuat oleh orang berdaftar sahaja tertakluk kepada CBP.

TANGGUNGJAWAB DAN TANGGUNGAN TUKANG EMAS DILULUSKAN

24. Seorang tukang emas diluluskan adalah bertanggungjawab untuk apa sahaja yang berkaitan dengan perniagaannya seperti mengakaun cukai output, menyimpan rekod, mengemukakan penyata dsb. Tanggungjawab lain termasuklah seperti berikut:

- (a) Mesti mempunyai rekod pematuhan yang baik terhadap segala urusan dengan JKDM pada setiap masa. Jika tukang emas diluluskan melanggar mana-mana undang-undang yang ditadbir oleh JKDM, kelulusan STE boleh digantung atau dibatalkan. Mana-mana pelanggaran syarat atau undang-undang yang ditadbir oleh JKDM merupakan satu kesalahan yang boleh dihukum menurut perundangan masing-masing;
- (b) Jika pada bila-bila masa tukang emas diluluskan mengesan sebarang kekurangan stok logam-logam berharga atau barang kemas berbanding dengan stok yang sepatutnya ada, dia perlu serta merta memberitahu JKDM secara bertulis;
- (c) Seorang tukang emas diluluskan tidak boleh mengguna status SPL nya untuk mengimport barang-barang bagi pihak pengimport-pengimport yang lain.
- (d) Seorang tukang emas diluluskan adalah bertanggungjawab dan bertanggung ke atas CBP bagi barang yang diperolehi dari pasaran tempatan atau yang diimport olehnya, termasuk yang dikendalikan oleh ejen-ejen penghantaran;

- (e) Jika pengimportan dan pengeksportan barang-barangnya adalah dikendalikan oleh ejen yang dilantik, semua borang-borang import dan eksport hendaklah ditandatangani olehnya;
- (f) Seorang tukang emas diluluskan perlu mengeluarkan surat berkuasa kepada ejen-ejen penghantaran yang dilantik olehnya dan menyimpan satu rekod terhadap mereka; dan
- (g) Seorang tukang emas diluluskan perlu serta merta memaklumkan JKDM terhadap mana-mana perubahan dalam maklumat yang telah dikemukakan kepada JKDM di bawah STE atau SPL.

PENYIMPANAN REKOD

25. Tukang emas diluluskan yang berdaftar di bawah STE mesti menyelenggara dan menyimpan rekod-rekod yang lengkap, benar dan kemaskini pada setiap masa selama tujuh tahun dari tarikh terkini yang berkaitan dengan rekod berkenaan. ***Untuk maklumat lanjut berkenaan dokumen atau rekod yang perlu disimpan di bawah CBP, rujuk kepada Panduan Invois Cukai dan Penyimpanan Rekod.***

SOALAN-SOALAN LAZIM

CBP Ke Atas Pengimportan

- S1. Saya adalah tukang emas diluluskan dan jika saya mengimport logam berharga, adakah saya perlu membayar CBP bagi pengimportan itu?**
- J1. Sebagai tukang emas diluluskan, anda secara automatik layak untuk memohon Skim Pedagang Diluluskan (SPL). Di bawah SPL, CBP bagi pengimportan barang adalah digantung. Walau bagaimanapun, CBP yang digantung perlu diikrarkan dalam penyata CBP bagi tempoh bercukai di mana penggantungan adalah berkaitan. Jika anda tidak mempunyai kelulusan SPL, anda perlu membayar CBP terlebih dahulu pada masa pengimportan tetapi CBP yang telah dibayar boleh dituntut semula sebagai kredit cukai input.
- S2. Saya mengendalikan sebuah perniagaan yang menjual jongkong emas dan mengimport logam-logam berharga dari luar negara. Bolehkah saya**

memohon status SPL bagi menggantung bayaran CBP ke atas pengimportan tersebut?

J2. SPL adalah untuk pengeksport utama. Jika anda memenuhi semua syarat yang ditetapkan di bawah SPL, anda boleh memohon untuk menyertai skim tersebut. Jika anda tidak berada dalam SPL, pengimportan logam-logam berharga anda adalah tertakluk kepada CBP..

S3. Saya mengendali sebuah perniagaan yang menjual jongkong emas dan membekal logam-logam berharga kepada tukang emas tempatan. Adakah saya perlu mengenakan cukai output jika pembeli saya bukannya seorang tukang emas diluluskan?

J3. Apa-apa pembekalan logam-logam berharga yang ditetapkan kepada seseorang yang bukan tukang emas diluluskan adalah tertakluk kepada CBP.

S4. Bagaimanakah saya boleh membezakan seseorang pembeli itu adalah seorang tukang emas diluluskan?

J4. Seorang tukang emas diluluskan akan memiliki satu kelulusan STE yang sah yang dikeluarkan oleh Kastam Diraja Malaysia. Tukang emas diluluskan perlu menunjuk bukti apabila membeli logam-logam berharga agar layak mendapat pengecualian bayaran CBP ke atas pembelian tersebut. Jika anda mempunyai sebarang keraguan, anda boleh, pada bila-bila masa, membuat semakan di laman web kami atau menghubungi jabatan kami untuk mengesahkan kesahihan kelulusan tersebut.

S5. Sebagai sebuah bank, bagaimanakah saya sepatutnya mengeluarkan invois cukai kepada tukang emas diluluskan dan bukan tukang emas diluluskan?

J5. Untuk seseorang yang bukan tukang emas diluluskan, satu invois hendaklah dikeluarkan yang menunjukkan butir-butir sepertimana yang dikehendaki di bawah Peraturan 22 Peraturan-Peraturan CBP 2014. Cukai hendaklah dikenakan dan ditunjukkan secara berasingan. Sama juga halnya untuk bank atau pembekal jongkong emas, suatu invois cukai yang dikeluarkan kepada tukang emas diluluskan mestilah menunjukkan butir-butir sepertimana yang dikehendaki di bawah peraturan CBP itu. Walau bagaimanapun, untuk tukang emas diluluskan, invois cukai itu mestilah juga mengandungi kenyataan

seperti berikut, **“Pembeli sebagaimana yang dinyatakan dalam inouis ini hendaklah mengakaun cukai output bagi pembekalan ini kepada Ketua Pengarah selaras dengan seksyen 73 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014”**.

S6. Saya adalah seorang tukang emas diluluskan. Adakah saya perlu menunjukkan bukti status STE saya setiap kali saya membeli jongkong-jongkong emas dari bank?

J6. Ya, jika tidak, bank akan mengenakan CBP ke atas pembekalan logam-logam berharga kepada anda.

S7. Sebagai seorang tukang emas diluluskan, adakah saya juga dibenarkan untuk dikecualikan daripada bayaran CBP ke atas perolehan bahan-bahan selain dari logam-logam berharga seperti bahan-bahan kimia dan “casting powder”?

J7. Tidak, status STE anda hanya membenarkan anda dikecualikan bayaran CBP ke atas perolehan logam-logam berharga yang ditetapkan sahaja dan bukan bahan-bahan lain.

S8. Sebagai seorang tukang emas diluluskan, adakah saya dibenarkan untuk dikecualikan dari bayaran CBP ke atas perolehan batu-batu permata yang juga mempunyai nilai yang tinggi?

J8. Tidak, perolehan batu-batu permata tidak termasuk di bawah STE. Oleh itu, anda tidak dibenarkan untuk membeli tanpa bayaran CBP ke atas perolehan batu-batu permata.

S9. Saya adalah seorang tukang emas dan kadang-kadang saya membeli barang-barang kemas yang dijual balik oleh pelanggan runcit saya. Adakah saya perlu membayar CBP ke atas pembelian sedemikian?

J9. Jika pelanggan runcit anda adalah orang berdaftar CBP, mereka akan mengenakan CBP ke atas pembelian anda. Jika mereka tidak berdaftar, perolehan itu tidak tertakluk kepada CBP.

S10. Saya adalah seorang peruncit barang kemas dan kadang-kadang saya memperoleh barang kemas terpakai yang dijual balik oleh pelanggan-pelanggan biasa. Jika saya jual barang kemas terpakai tersebut tanpa

mengilangnya semula, adakah saya perlu mengakaunkan CBP ke atas jualan ini?

J10. Jualan sedemikian adalah masih dikira sebagai pembekalan bercukai, walaupun barang kemas tersebut adalah barang-barang terpakai, dan anda perlu mengakaunkan cukai output ke atasnya.

Implikasi CBP ke atas aktiviti pengilangan tol bagi prinsipal luar negara.

S11. Saya adalah seorang pengilang tol dengan status STE. Adakah saya perlu membayar CBP ke atas jongkong emas yang saya terima daripada prinsipal saya di luar negara?

J11. Anda boleh menggantung bayaran CBP yang dikenakan semasa pengimportan jika anda telah memperoleh status SPL. Jika tidak, anda perlu membayar CBP ke atas jongkong emas semasa pengimportan dilakukan.

S12. Jika saya mengimport jongkong emas bagi pihak prinsipal saya di luar negara, siapa yang perlu mengisytihar jongkong emas itu?

J12. Anda yang perlu mengisytihar pengimportan jongkong emas tersebut di bawah nama anda dan bertanggung ke atasnya. Bagaimanapun, anda masih boleh menggantung bayaran CBP ke atas pengimportan tersebut di bawah SPL.

S13. Jika saya memperoleh logam-logam berharga secara tempatan untuk mengilang barang kemas bagi prinsipal saya di luar negara, adakah saya perlu bayar CBP ke atas logam-logam berharga tersebut?

J13. Jika anda mempunyai status STE, maka anda hendaklah mengakaun CBP ke atas perolehan tersebut tetapi tidak perlu membuat bayaran. Apabila anda mengeksport barang-barang siap (barang kemas) kepada prinsipal anda di luar negara, anda boleh mengenakan cukai pada kadar sifar atas pengeksportan tersebut.

S14. Apabila saya menghantar barang-barang siap (barang kemas) kepada prinsipal saya di luar negara, adakah saya perlu mengenakan cukai output ke atas aktiviti nilai tambah yang saya lakukan?

- J14. Jika anda mempunyai status SPT, apa-apa aktiviti nilai tambah termasuk upah kerja yang anda lakukan untuk prinsipal luar negara adalah tidak diambilkira. Tetapi, anda mestilah mengenakan CBP bagi pembekalan itu jika anda adalah orang berdaftar tetapi tidak mempunyai kelulusan SPT.
- S15. Siapakah yang akan bertanggung jika pelanggan tempatan kepada prinsipal saya di luar negara gagal membuat “perakaunan kediri penerima” di bawah SPT ke atas penghantaran barang kemas yang dikirim kepadanya atau mengakaunkan cukai output ke atas pembekalan tempatan yang dilakukan olehnya?**
- J15. Jika barang-barang telah diterima oleh pelanggan tempatan, dia adalah bertanggung untuk mengakaunkan cukai output bagi barang-barang tersebut. Jika dia gagal membuat “perakaunan kediri penerima” atau mengakaunkan cukai output ke atas sebarang pembekalan tempatan yang dibuat olehnya, pelanggan tempatan tersebut akan dipertanggungjawabkan dan perlu bertanggung ke atas apa-apa cukai yang dikenakan atau kena dibayar.
- S16. Saya adalah seorang pelanggan tempatan bagi seorang pembekal di luar negara. Bilakah saya perlu membuat “perakaunan kediri penerima” ke atas barang-barang siap yang diterima daripada pengilang tol?**
- J16. Anda perlu membuat “perakaunan kediri penerima” apabila anda membuat bayaran kepada pembekal anda atau apabila pembekal anda telah mengeluarkan kepada anda invoice bagi barang-barang yang dikonsaikan itu, yang mana lebih awal.

Penyelenggaraan rekod

S17. Apakah rekod-rekod yang perlu diselenggarakan?

J17. Semua dokumen dan rekod asal yang berkaitan dengan pembekalan, resit-resit dan perolehan bahan mentah serta pembekalan barang-barang siap di bawah STE.

S18. Apakah maksud “sistem perakaunan yang baik” di bawah STE?



J18. Satu sistem perakaunan yang baik bermaksud mengekalkan akaun-akaun dan rekod-rekod inventori dengan teratur bagi mengesan dan mengakaunkan logam-logam berharga yang diperolehi atau diterima di bawah STE. Ia termasuk mengakaunkan dengan teratur barang-barang yang masih dalam proses (“work-in-progress”), stok di tangan dan barang siap yang telah dilupuskan ke pasaran tempatan dan luar negara. Semua rekod perakaunan hendaklah disokong oleh dokumen-dokumen asal yang berkaitan dan hendaklah disimpan mengikut prinsip-prinsip Amalan Perakaunan Yang Lazim Diterimapakai di Malaysia. Satu sistem perakaunan yang baik yang perlu diamalkan oleh setiap pihak di bawah STE adalah dinyatakan lebih lanjut dalam syarat-syarat kelulusan dan mestilah dipatuhi sepanjang masa.

S19. Apabila saya menamatkan pendaftaran saya di bawah CBP atau sebagai tukang emas diluluskan, adakah saya perlu mengakaunkan cukai output ke atas logam-logam berharga yang masih di tangan?

J19. Jika anda tidak lagi menjadi orang berdaftar CBP, anda mestilah mengakaun cukai output ke atas semua aset harta modal atau barang dalam tangan termasuklah logam berharga.

S20. Apa akan berlaku ke atas barang-barang yang masih di tangan apabila status STE saya dibatalkan?

J20. Sebagai tukang emas diluluskan, anda masih perlu mengakaun cukai yang dikenakan ke atas perolehan logam berharga ditetapkan oleh pembekal yang mana anda masih belum mengakaunkannya. Apa-apa pembelian logam berharga ditetapkan selepas tarikh pembatalan akan tertakluk kepada CBP dan anda, sebagai orang berdaftar, dibenarkan untuk menuntut CBP yang ditanggung sebagai kredit cukai input. Anda boleh didenda bagi apa-apa kegagalan mematuhi syarat atau keperluan undang-undang.

S21. Apabila saya memindahkan perniagaan saya sebagai suatu usaha berterusan, bolehkah saya juga memindahkan status STE saya kepada pembeli berkenaan?

J21. Kelulusan yang diberi di bawah STE tidak boleh dipindah milik. Pembeli yang layak untuk mendapat status STE dan ingin menikmati kemudahan-

kemudahan STE hendaklah memohon sendiri status STE sebelum pemindahan milik dilaksanakan.

S22. Adakah saya masih perlu mengakaunkan CBP ke atas logam-logam berharga yang ditetapkan yang hilang atau tidak dapat dikesan?

J22. Bagi mana-mana logam-logam berharga yang ditetapkan yang dibekalkan di bawah STE yang tidak dapat diselaraskan kuantitinya dengan kuantiti yang ada di tangan, anda perlu mengakaunkan cukai output ke atas kuantiti yang tidak dapat diselaraskan itu.

S23. Berapa lama tempoh sahlaku satu kelulusan STE dan bilakah saya perlu membaharuinya?

J23. Tempoh sahlaku kelulusan bagi status STE adalah untuk setiap dua tahun atau lebih singkat, mengikut kes mana yang berkenaan, dan apa-apa permohonan untuk membaharuinya hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan sebelum tamatnya setiap tempoh kelulusan.

MAKLUMBALAS DAN KOMEN

26. Sebarang maklumbalas atau komen amatlah dihargai. Sila e email maklumbalas atau komen anda ke gstsector6@customs.gov.my

MAKLUMAT LANJUT

27. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (a) Laman Web CBP: www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP: 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
 - Faks : 03-78067599
 - E-mail : ccc@customs.gov.my

LAMPIRAN 1

NBI Bank BHD No 30 Jalan Amanah, 80000 Johor Bahru, Johor Tel: (07)60767676		Tax Invoice No:- No. 007 GST Reg No. :- 123456789101 Tax Invoice Invoice Date: 21.4.2015 D/O No: S000345		
To:- Habibi Jewel Sdn. Bhd, No. 60, Jalan Satria, 70400 Seremban, Negeri Sembilan (STE121265888)				
S/NO	DESCRIPTION	QTY (KG)	UNIT PRICE (RM)	TOTAL (RM)
1.	Gold Bars	30 unit (30kg)	139,000.00/Kg	4,170,000.000
			Add GST 6%	250,200.00
			Total Sales	4,420,200.00
<i>* The buyer as stated in this invoice shall account for the output tax on the supply to the Director General in accordance with section 73 of the Goods and Services Tax Act 2014</i>				
Terms: -				
Authorized Signature:				

